

**Bahagian A**  
[ 40 markah ]  
Jawab semua soalan

1(a) Namakan dua buah kerajaan maritim di Asia Tenggara.

i. \_\_\_\_\_

ii. \_\_\_\_\_

[ 2 markah ]

(b) Jelaskan sistem pentadbiran kerajaan maritim.

---

---

---

---

---

[ 2 markah ]

(c) Nyatakan dua kegiatan ekonomi kerajaan maritim

i. \_\_\_\_\_

ii. \_\_\_\_\_

[ 2 markah ]

(d) Mengapakah kerajaan maritim memberi tumpuan kepada kegiatan ekonomi di  
1 (c)

---

---

---

---

---

---

---

[ 4 markah ]

2. Masyarakat Arab Jahiliah menentang dakwah Nabi Muhammad SAW di Makkah.

(a) Mengapakah masyarakat Arab pada ketika itu dianggap jahil ?

---

---

---

---

[ 2 markah ]

(b) Apakah bentuk penentangan masyarakat Arab Jahiliah terhadap Nabi Muhammad SAW

i. \_\_\_\_\_

ii. \_\_\_\_\_

[ 2 markah ]

(c) Mengapakah mereka menentang Nabi Muhammad SAW ?

---

---

---

---

---

---

---

---

[ 3 markah ]

(d) Bagaimanakah Nabi Muhammad SAW mengatasi tentangan masyarakat Arab Jahiliah?

---

---

---

---

---

---

---

---

[ 3 markah ]

3 Soalan 3 berdasarkan maklumat berikut :

Imperialisme ialah dasar, amalan atau tindakan sesebuah negara meluaskan kuasa dan pemerintahan melalui pengambilalihan wilayah sama ada secara langsung atau melalui kawalan politik dan ekonomi terhadap kawasan lain.

Sumber : <http://global.britannica.com/topic/imperialism>

(a) Nyatakan dua buah kuasa imperialis Barat.

i. \_\_\_\_\_

ii. \_\_\_\_\_

[ 2 markah ]

(b) Mengapakah kuasa di 3 (a) menjalankan kegiatan imperialisme ?

---

---

---

---

---

[ 2 markah ]

(c) Bagaimanakah imperialisme dilakukan oleh kuasa-kuasa tersebut ?

---

---

---

---

---

---

---

[ 3 markah ]

(d) Huraikan kesan imperialisme terhadap negara yang dikuasai.

---

---

---

---

---

[ 3 markah ]

- 4 Rukun Negara telah diisytiharkan oleh Yang di Pertuan Agong Keempat pada 30 Ogos 1970

Sumber :

- (a) Jelaskan matlamat Rukun Negara

---

---

---

---

[ 3 markah ]

- (b) Nyatakan tiga prinsip Rukun Negara.

i. \_\_\_\_\_

ii. \_\_\_\_\_

iii. \_\_\_\_\_

[ 3 markah ]

- (c) Bagaimanakah amalan prinsip Rukun Negara dapat mencapai matlamat di 4 (a)?

---

---

---

---

---

---

---

---

[ 4 markah ]

**Bahagian B**

[ 60 markah ]

Jawab mana-mana tiga soalan daripada bahagian ini.

- 5 Perjanjian Aqabah Pertama dan Perjanjian Aqabah Kedua merupakan perjanjian yang dimeterai oleh Nabi Muhammad SAW dengan penduduk Yathrib pada tahun 621 Masihi dan 622 Masihi.
- (a) Jelaskan peristiwa-peristiwa sehingga termeterainya perjanjian tersebut. [ 4 markah ]
- (b) Jelaskan syarat-syarat perjanjian tersebut. [ 4 markah ]
- (c) (i) Bagaimanakah perjanjian tersebut membantu perluasan penyebaran islam. Beri penjelasan anda. [ 6 markah ]
- (ii) Jelaskan ikhtibar daripada perjanjian tersebut. [ 6 markah ]
- 6 Pertembungan tamadun islam dengan tamadun lain telah berlaku sejak zaman awal islam.
- (a) Mengapakah pertembungan tersebut berlaku? [ 4 markah ]
- (b) Pertembungan tersebut memberi manfaat kepada tamadun islam dan tamadun lain. Beri penjelasan anda. [ 8 markah ]
- (c) Pertembungan pelbagai tamadun di Malaysia menghasilkan keunikan kepada tamadun bangsa dan negara Malaysia. Beri hujah anda. [ 8 markah ]
- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan peringkat awal Zaman Pertengahan di Eropah.
- Zaman Gelap merujuk kepada Zaman Pertengahan awal sejarah Eropah Barat. Istilah ini merujuk kepada tempoh antara tahun 476 Masihi hingga tahun 800 Masihi di Eropah Barat: atau, lebih umum untuk tempoh anantara tahun 500 Masihi hingga tahun 1000 Masihi.

Sumber : [http://global.britannica.com/event/Dark\\_Ages](http://global.britannica.com/event/Dark_Ages)
- (a) Jelaskan kehidupan masyarakat Eropah pada zaman tersebut. [ 8 markah ]
- (b) Perubahan pada Zaman Gelap ke Zaman Renaissance telah mengubah kehidupan masyarakat Eropah. Bagaimanakah perubahan tersebut memanfaatkan masyarakat Eropah. [ 6 markah ]
- (c) Bagaimanakah perubahan yang berlaku di 7(b) memberi kesan kepada kawasan di luar Eropah? [ 6 markah ]

8 Malaysia dibentuk pada 16 September 1963.

- (a) Terangkan langkah-langkah pembentukan Malaysia. [ 8 markah ]
- (b) Gambar 1 berkaitan dengan sambutan Hari Malaysia.



Sumber : [www.pinterest.com](http://www.pinterest.com)

Gambar 1

Jelaskan kepentingan sambutan tersebut. [4 markah]

- (c) Pembentukan Malaysia memperkukuhkan keselamatan serantau.  
Jelaskan pernyataan tersebut. [8 markah]

9 Pembentukan Malayan Union merupakan perancangan British untuk menyusun semula pentadbiran Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

Sumber :

- (a) Mengapakah British bertindak demikian. [6 markah]
- (b) Singapura dikeluarkan daripada Malayan Union oleh British kerana kepentingan ekonominya serta peranan Singapura sebagai pelabuhan bebas dan pangkalan tentera laut.

Sumber :

Huraikan pernyataan tersebut. [6 markah]

- (c) Mengapakah orang Melayu menganggap Malayan Union menjejaskan kedudukan mereka di Tanah Melayu? [8 markah]

10. Malaysia mengamalkan sistem pengasingan kuasa kepada tiga badan iaitu Badan Perundangan(Legislatif), Badan Pelaksana (Eksekutif) dan Badan Kehakiman (Judisiari).
- (a) Jelaskan tentang :
- (i) Badan Perundangan ( Legislatif ) [5 markah]
  - (ii) Badan Pelaksana ( Eksekutif ) [5 markah]
  - (iii) Badan Kehakiman ( Judisiari ) [4 markah]
- (b) Bagimanakah sistem pengasingan kuasa pemerintahan dapat memantapkan sistem pentadbiran negara kita ? [6 markah]
11. Perang Dingin merujuk kepada hubungan Amerika Syarikat (Blok Kapitalis) dengan Kesatuan Soviet atau Rusia (Blok Komunis) selepas Perang Dunia Kedua.
- Sumber : [www.historylearningsite.co.uk/modern-world-history-1918-to-1980/the-cold-war](http://www.historylearningsite.co.uk/modern-world-history-1918-to-1980/the-cold-war)*
- (a) Bezakan antara Blok Kapitalis dengan Blok Komunis. [6 markah]
  - (b) Mengapakah Perang Dingin berlaku sehingga terbentuknya blok dunia (Blok Kapitalis dan Blok Komunis ) ? [6 markah]
  - (c) Mengapakah negara-negara Dunia Ketiga tidak bersekongkol dengan mana-mana blok ketika Perang Dingin ? [8 markah]